

## Sesi kedua Sinode Biasa para Uskup ke-16, Oktober 2-27, 2024



# Sri Paus seru Gereja sinodal yang rendah hati

**V**ATIKAN: Pada pembukaan sesi kedua Perhimpunan Agung Sinode Uskup ke-16, Sri Paus Fransiskus menekankan keperluan untuk Gereja sinodal yang merendahkan hati dan dibimbing oleh Roh Kudus demi memenuhi misi pengampunan dan keamanan-Nya di dunia.

Bapa Suci memulakan sesi dengan mengingatkan para peserta bahawa Gereja sentiasa dalam perjalanan, yang mencerminkan misi yang telah Tuhan tetapkan di hadapan umat-Nya sejak zaman para rasul, menekankan bahawa misi Gereja adalah untuk membawa kedamaian melalui pewartaan Yesus Kristus.

### Roh Kudus menyeka air mata kita

Mengenai peranan Roh Kudus, Sri Paus mengingatkan bahawa "Roh Kudus 'mematahkan' hati dan kehendak yang degil, men-

cairkan yang beku, menghangatkan kesedihan dan membimbing langkah-langkah yang sesat kembali ke jalan benar."

Katanya, Roh sentiasa hadir, terutamanya pada saat-saat kesedihan dan keputusan, apabila manusia berhadapan dengan godaan dan perpecahan.

"Roh Kudus menyeka air mata kita dan menghiburkan kita kerana Dia menyampaikan karunia pengharapan Tuhan," ujar Bapa Suci.

Mengenai hal kerendahan hati memerlukan kita menyedari bahawa kita semua perlukan pengampunan. Bapa Suci mengimbas Vigil Pertobatan, pada malam menjelang pembukaan sinode, di mana mereka yang berkumpul telah mengalami rahmat perdamaian.

"Kita mengetepikan kesombongan dan prejudis kita, berhenti berfikir bahawa kita lebih baik daripada orang lain. Adakah kita lebih rendah hati berbanding sebelum ini?"

### Kuasa transformatif Roh Kudus

Sri Paus kemudian menggambarkan kuasa transformatif Roh Kudus sebagai api yang

menyalakan cinta dan kegembiraan dalam diri kita, cinta yang begitu kuat sehingga merangkul semua manusia tanpa diskriminasi.

"Ini kerana Tuhan sentiasa merangkul semua orang," kata Sri Paus kemudian mengingatkan Gereja akan keperluan untuk pengampunan berterusan.

Bapa Suci mengesa para peserta untuk mencerminkan belas kasihan Tuhan yang tidak terhingga, mengajak mereka untuk "sentiasa mengampuni orang lain, kerana kesediaan untuk berbuat demikian lahir dari pengalaman kita sendiri telah diampuni."

Bercakap mengenai proses sinodal itu, Sri Paus Fransiskus berkata bahawa ia bukan hanya peristiwa seketika tetapi perjalanan berterusan, di mana Gereja belajar untuk lebih memahami dirinya dan meneliti cara yang paling berkesan untuk melaksanakan misinya.

Sri Paus Fransiskus menyifatkan Perhimpunan Sinode sebagai "subjek konvensional" di mana para uskup, klerus, rohaniwan dan kaum awam, bekerja bersama-sama dalam pelayanan belas kasihan Tuhan.

### Kepentingan penyertaan awam

Bapa Suci turut menekankan kepentingan penyertaan awam dalam proses sinodal. Prelatus itu menjelaskan bahawa kehadiran ahli awam dalam Perhimpunan tidak mengurangkan kuasa uskup. Sebaliknya, ia mengukuhkan lagi sifat semulajadi perhubungan Gereja, menekankan keperluan untuk bekerjasama kerana "penyelamatan melibatkan semua manusia," tegas Sri Paus.

Bapa Suci Fransiskus juga memohon kebijaksanaan daripada Sto Paulus VI, yang memulakan Sinode Uskup pada tahun 1965. Uskup Roma itu menyifatkan sinode sebagai proses pembelajaran berterusan, cerminan misi Gereja untuk diperbaharui oleh Roh Kudus dan perjalanan ke arah penggenapan perancangan Tuhan. "Proses sinodal juga merupakan proses pembelajaran agar Gereja lebih mengenali dirinya," jelas Bapa Suci.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus Fransiskus menyeru agar semua peserta sinode, tetap terbuka kepada tindakan Roh Kudus, yang adalah "pembimbing dan penghibur Gereja yang sejati." **Media Vatikan**

## Doa dan puasa di tengah meningkatnya konflik di Tanah Suci

VATIKAN: Pada Oktober 7 lalu, Sri Paus telah mengadakan Hari Doa dan Puasa sedunia bagi memperingati satu tahun keganasan Palestine-Israel dan peperangan yang semakin meningkat.

"Pada masa yang dramatik dalam sejarah kita ini, ketika angin perang dan api keganasan terus memusnahkan seluruh rakyat dan negara Israel-Palestine, umat Kristian diingatkan akan panggilan mereka untuk 'menempatkan diri dalam pelayanan kemanusiaan.'"

Semua ahli sinode menemani Sri Paus di

Basilika Sta Maria Major pada Oktober 6, sehari sebelum hari doa dan puasa, Bapa Suci telah memohon karunia perdamaian melalui perantaraan Santa Maria."

Di basilika itu, mereka berdoa rosari dan menyampaikan permohonan sepenuh hati kepada Perawan Maria.

Pengumuman Sri Paus ini adalah secara tiba-tiba, setelah Iran melancarkan serangan ratusan peluru berpandu ke Israel.

Bapa Suci mengatakan, Gereja selalu melayani umat manusia, terutama di saat-saat getir dalam sejarah.

Ketika angin perang dan api kekerasan terus menghancurkan seluruh masyarakat dan negara, Gereja terus ada untuk melayani, menghibur dan merawat mereka yang memerlukan.

Patriark Latin Yerusalem, Kardinal Pierbatista Pizzaballa OFM berkata doa dan puasa pada Oktober 7 itu adalah amat penting bagi perdamaian dan rekonsiliasi di Tanah Suci.

Kardinal Pizzaballa juga telah menerbitkan sebuah doa untuk perdamaian dan meminta ia didoakan sepanjang bulan Maria, Oktober ini. **Media Vatikan**



# Menjadi terang iman di dunia sekular

Kita semua tahu bahawa iman adalah anugerah dari Tuhan. Dan anugerah Tuhan itu dimaksudkan untuk dipelihara dalam kehidupan kita, terutama melalui doa dan penerimaan sakramen.

Sejak saya masih kecil, saya percaya akan Tuhan, namun iman saya perlu untuk bertumbuh.

Selain itu, kasih saya kepada Yesus semakin dalam ketika saya terus mendalami pengetahuan saya tentang Yesus, yang selalu hadir bersama dengan saya dan telah memberikan hidup-Nya bagi saya supaya saya dapat menjadi satu dengan-Nya.

Saya percaya akan Tuhan kerana saya dengan penuh kasih menyahut undangan Tuhan untuk percaya kepada-Nya. Tidak ada sesuatu yang ajaib mengenai hal ini, kerana hal ini benar-benar nyata.

Saya sangat mengasihi Tuhan dan setiap hari saya ingin belajar banyak tentang Tuhan, dan saya melakukan yang terbaik bagi-Nya melalui rahmat Tuhan untuk meniru-Nya. Keyakinan saya akan Tuhan bukan kerana ibu saya mengharuskan saya percaya kepada-Nya sebaliknya atas dorongan serta keinginan saya sendiri. Yesus mengundang, dan saya menyahut-Nya.

Kita semua sedar akan anggota keluarga dan teman-teman kita yang memiliki tahap kepercayaan yang berbeza-beza, dari yang kelihatannya sangat kecil sampai yang luar biasa.

Tentu sahaja, saya percaya akan Tuhan, kerana Dia telah mengundang saya ke dalam hidup-Nya dan saya membalasnya dengan mengundang Tuhan untuk campur tangan dalam hidup saya.

Dalam hal perhubungan kita dengan keluarga dan rakan-rakan, kita juga ingin meletakkan kepercayaan kita terhadap mereka.

Malah, kadang-kadang, perlu kerja keras untuk membina atau menyuburkan hubungan itu.

Pada akhirnya, kasih dan persahabatan itulah yang mengatur kepercayaan kita satu sama lain dan yang paling penting, kepercayaan kita akan Tuhan.

Seperti yang kita baca dalam Injil Yohanes, “Kerana begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal” (Yohanes 3:16).

Bagaimana mungkin saya dan anda tidak mahu belajar tentang sahabat kita, Yesus, yang memberikan seluruh hidup-Nya supaya kita memperoleh hidup kekal bersama-Nya?

Saya percaya akan Tuhan kerana saya mengasihi Tuhan. Saya percaya akan Tuhan kerana saya ingin belajar lebih banyak mengenai Tuhan. Saya percaya akan Tuhan kerana Tuhan ingin supaya saya tinggal bersama-Nya untuk selamanya, dan hal ini harus dimulai dari diri saya sendiri dan anda, untuk membenarkan Tuhan untuk memasuki kehidupan kita sekarang.

Kita hidup pada era di mana sekularisme sudah menjadi kebiasaan bagi sebahagian besar orang. Lebih buruk lagi, relativisme sekular sudah membahayakan budaya kita.

Bagaimana kita dapat berbual tentang iman dengan orang lain? Apa yang dapat kita lakukan ialah memahami dan mengenali bahawa pada masa sekarang, semakin ramai orang yang kehilangan atau kepercayaan mereka pada Tuhan yang pengasih sangat rapuh.

Pada zaman sekarang, ramai yang tidak segan mengatakan mereka ialah ateis dan agnostik, atau dalam kata lain, mereka percaya bahawa tidak ada Tuhan atau percaya Tuhan itu ada namun kurang peduli akan umat-Nya.

Sebagai umat Kristiani, kita mengakui kenyataan bahawa Tuhan menciptakan dunia dan Yesus Kristus, Putera Tuhan Bapa, datang menghampiri kita, dan akibatnya Yesus menderita, wafat, dan bangkit dari antara orang mati bagi anda dan saya. Dengan kata lain, Tuhan peduli terhadap kita.

Sebagai seorang yang menikmati ilmu pengetahuan ketika masih muda, saya ditunjukkan untuk melihat pekerjaan Tuhan, terutama melalui pengetahuan ilmiah.

Kami di antara para paderi dan kaum religius, sebelum memasuki biara atau semi-

nari, kami bekerja di bidang ilmiah seperti kedokteran, guru, pakar teknik dan kejuruteraan.

Ketika orang-orang ini menyadari akan panggilan kudusnya, mereka tidak merendahkan atau meninggalkan latar belakang ilmiah mereka, namun sebenarnya telah memperkuat Gereja dengan menggunakan bakat dan pengalaman berharga mereka.

Iman adalah permulaan dari ziarah rohani kita, beberapa orang mungkin memiliki iman kepada Tuhan yang lemah bahkan juga tidak memilikinya.

Sikap belas kasih (bukan simpati) dapat membimbing kita untuk menyahut pernyataan tentang Tuhan. Mungkin kita dapat bermula dengan merujuk kisah-kisah tertentu dalam Alkitab, dimulakan dengan Khabar Baik Yesus dan kasih-Nya bagi kita. Alkitab lebih dari sekadar kisah tentang kita.

Alkitab adalah Sabda Tuhan yang hidup. Kita dapat berjumpa dengan Tuhan. Bagi yang tidak percaya, anda dapat bertanya kepada orang itu, apa yang membuatnya tidak percaya akan Tuhan, bahkan lebih baik lagi, anda menghidupi iman anda untuk ditunjukkan kepada semua orang. Bukan sebagai cara yang sombong, namun memperlihatkan hidup rohani yang sentiasa bersukacita, sambil menghormati orang lain.

Seperti yang dikemukakan Sri Paus Fransiskus berulang kali, perjumpaan kita dengan orang lain harus dimulai dengan belas kasih dan kemurahan hati.

Kita semua diundang menjadi realistik,



*Bagaimana menerangkan iman terhadap mereka yang tidak percaya? Mungkin kita perlu bermula dari diri sendiri, membaca Alkitab dan belajar tentang sahabat kita, Yesus Kristus.*

kerana Yesus Kristus tetap sama, kelmarin, sekarang, dan selama-lamanya.

Kenyataan bahawa Tuhan begitu mengasihi dunia sehingga Dia mengutus Anak-Nya yang tunggal kepada kita. Tuhan mengasihi kita lebih dari yang kita bayangkan. **Uskup Jeffrey M. Monforton, terangiman.com**

## Tuhan memahami fikiran umat-Nya

Masyarakat dahulu sehinggalah sekarang selalu berpendapat bahawa kekayaan adalah kegembiraan, kemiskinan adalah kesengsaraan.

Maka apa yang diucapkan Yesus dalam Injil pada hari Minggu ini, pasti tidak sedap didengar, bahkan menimbulkan kekecewaan ramai orang.

Yesus membuat pernyataan bahawa lebih mudah bagi seekor unta melewati lubang jarum daripada seorang kaya masuk ke dalam Kerajaan Tuhan (ay. 25; Mat 19:23-24; Luk 18:25).

Jika begitu, siapa yang bakal selamat? Menjawab persoalan ini, Yesus mengemukakan bahawa bagi manusia memang mustahil, namun bagi Tuhan — semuanya boleh terjadi!

Sebelum berkata demikian, Yesus terlebih dahulu telah berbual dengan seorang pemuda kaya yang bertanya, apa yang mesti diperbuat supaya mendapatkan hidup kekal?

Yesus bertanya kepada pemuda itu, adakah dia menuruti semua perintah agama. Pemuda itu berkata dengan yakin, “ya”.

Kemudian Yesus mengajak pemuda itu untuk melakukan sesuatu yang “radikal”. Yesus menyarakannya agar

menjual semua harta kekayaannya dan berbagi dengan kaum miskin.

Mendengar kata-kata Yesus membuat si pemuda terkejut dan terkilan. Bukan sahaja pemuda itu, malah murid-murid Yesus juga kecewa dan terperanjat dengan jawaban Yesus.

Pesan yang ingin disampaikan kepada kita dalam Injil Markus hari ini, sama ada dalam kata-kata si pemuda, ataupun jawaban Yesus, kedua-duanya harus kita perhalusi.

Yesus mahu menyedarkan kita, bahawa kekayaan atau harta yang diberikan kepada kita oleh Tuhan, adalah amat baik dan perlu.

Namun harta yang dikumpul bukan untuk kepentingan diri sendiri, tetapi juga untuk sesama khususnya mereka yang memerlukan.

Yesus mahu menegaskan, bahawa harta atau kekayaan mempunyai kekuatan atau penyebab utama yang menghalang seseorang menjadi murid sejati Yesus.

Yesus menggunakan hal kekayaan sebagai penekanan yang menunjukkan bahawa limpahan harta milik, kejayaan, kemakmuran boleh menjadi jerat atau rintangan hidup yang berbahaya.

Oleh sebab tu, sebagai murid Yesus, kita harus sedia melepaskan diri dari ikatan pemilikan peribadi. Ini adalah kerana, kekayaan dapat memusatkan hati kita hanya kepada dunia ini sahaja. Dan bila kita dipanggil Tuhan, dapatkah kekayaan itu kita bawa bersama?

Tetapi bagaimana kita tahu jika kita benar-benar mencari kerajaan Tuhan terlebih dahulu?

Ada soalan yang boleh kita tanya pada diri kita sendiri. “Di manakah saya menghabiskan tenaga saya? Adakah semua masa dan wang saya dihabiskan untuk barang-barang dan aktiviti yang pasti akan binasa, atau dalam pelayanan kepada Tuhan — yang hasilnya akan kekal selama-lamanya?”

Tuhan telah berjanji untuk menyediakan keperluan umat-Nya sendiri, membekalkan setiap keperluan (Filipi 4:19), tetapi idea-Nya tentang apa yang kita perlukan selalunya berbeza daripada kita, dan hanya sekali-sekala memenuhi jangkauan kita.

Sebagai contoh, kita mungkin melihat keperluan kita sebagai kekayaan atau kemajuan, tetapi mungkin Tuhan tahu bahawa apa yang sebenarnya kita

**HARI MINGGU  
BIASA KE-28  
TAHUN B**

**KEBIJAKSANAAN 7:7-11  
IBRANI 4:12-13  
INJIL MARKUS 10:17-30**

perluan ialah masa kemiskinan, kehilangan atau kesendirian.

Misalnya, Ayub dan Elia. Tuhan mengasihi kedua-duanya tetapi Dia membenarkan syaitan untuk benar-benar memukul Ayub (semuanya di bawah pengawasan-Nya), dan Dia membiarkan wanita jahat itu, Izabel, mematahkan semangat nabi-Nya sendiri Elia (Ayub 1-2; 1 Raja-raja 18-19).

Dalam kedua-dua peristiwa itu, Tuhan menganugerahkan pemulihan dan rezeki melimpah.

Yesus mengingatkan kita, bahawa keselamatan adalah anugerah Tuhan. Rahmat adalah pemberian Tuhan! Dan hanya tangan-tangan yang murni, yang tidak menggenggam kepentingan diri kita sendiri saja, akan menerima anugerah rahmat keselamatan-Nya. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm**

# Canossian rai ulang tahun ke-250

KLUANG, Johor: Gereja St Louis menganjurkan sambutan ulang tahun ke-250 kelahiran Sta Magdalen dari Canossa pada September 15, bertemakan *Set Life on Fire*.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis dan dibantu oleh Uskup Agung Julian Leow, paderi paroki St Louis iaitu Msgr Peter Ng, dan penolong paderi paroki, Fr William Pillai.

Turut hadir ialah Fr James Rajendran, Fr Ryan Innas Muthu, Fr Adrian Francis, bersama rakan-rakan Canossian dari Malaysia dan Singapura.

Dalam homilinya, Kardinal menghargai karya-karya para biarawati Canossian yang melayani mereka yang amat memerlukan, kaum miskin dan mereka yang sakit. Melalui pelayanan para biarawati Canossian itu, mereka yang dilayani berasa dipedulikan, diberi perhatian dan mengalami penyembuhan.

Para misionari awal Canossian telah membawa pesan Sukacita Injil serta karisma St Magdalen, ke pantai Malaya dan Singapura.

Hari ini, para Sister Conossian meneruskan



misi mereka di Jinjang, Kuala Lumpur; Sungai Siput, Perak; Melaka dan Kluang, Johor.

Sta Magdalen telah dikanonisasi pada tahun 1988, selepas menubuhkan Kongregasi para Sister dan Paderi Canossian pada awal abad kesembilan belas.

Wanita kudus itu meninggalkan warisan yang terdiri daripada para Sister dan paderi Canossia. Mereka berdedikasi untuk berkhid-

mat kepada orang miskin, membuka sekolah untuk kanak-kanak,ewartakan Khabar Gembira dan menjaga orang sakit.

Satu abad selepas kematian Sta Magdalen pada tahun 1835, seorang lagi santa Canossian, St Bakhita, telah dikanonisasi pada Tahun Jubli 2000 dan dihormati sebagai "Santa Milenium ketiga".

Sta Magdalen menggalakkan para Sister

dan paderi Canossian untuk melanjutkan misi mereka hingga ke luar Itali.

Kongregasi itu telah menubuhkan yayasan pertama di Hong Kong pada tahun 1860, kemudian China, Macau, Timor Timur, India, Singapura dan Tanah Melayu, di mana misi itu telah berkembang maju selama 119 tahun sejak 1905.

Hari ini, para Canossian melayani di seluruh Asia, Afrika, Amerika, Eropah, dan Oceania, yang berpegang kuat kepada slogan Sta Magdalen, "Amal kebajikan adalah "api" yang sentiasa merebak".

Perayaan ulang tahun ke-250 kelahiran St Magdalen dari Conossia ini bertujuan memperbaharui dan mengukuhkan komitmen para Sister Conossian di Malaysia untuk melayani dalam bidang penginjilan, pendidikan, mendekati golongan miskin dan mereka yang terluka dari segi rohani dan jasmani.

Walaupun menghadapi banyak cabaran dan kekangan dalam dunia hari ini, mereka tetap teguh dengan panggilan mereka untuk "Memperkenalkan dan mengasihi Yesus".

## Hari keluarga Pemimpin Ibadat Sabda di Menumbok

MENUMBOK: Tiga orang pemimpin Ibadat Sabda (PIS) yang baharu, telah diutus pada Hari Keluarga Pemimpin Ibadat Sabda peringkat paroki St Peter Bundu, di Gereja St Ambrose pada September 16 lalu.

Sambutan Hari Keluarga itu bertambah meriah dengan kehadiran Ketua Keuskupan Keningau, Uskup Cornelius Piong.

Prelatus itu turut memberkati dan merasmikan Gereja St Ambrose dan dewan yang baharu. Gereja dan dewan tersebut mampu menampung lebih kurang 50 umat, menunjukkan perkembangan iman Katolik yang semakin bertambah di daerah yang hanya 5% bukan Islam.

Selain tiga PIS yang baharu, 19 orang PIS dan pemimpin pelbagai upacara (PUD) yang sedia ada turut diberkati dan diutus oleh Uskup Cornelius Piong.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong, bersama paderi paroki Kuala Penyu, Fr Roney Mailap.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius me-

nekankan semangat kesatuan yang berpan- du dan bersumberkan daripada Tuhan.

Diinspirasi perjalanan apostolik Bapa Suci Fransiskus ke Asia dan Oceania pada September 6 hingga 13 lalu, yang telah memberi penghiburan dan peningkatan iman, paderi itu berharap agar lawatan pastoral Bapa Uskup ke Gereja St Ambrose dapat mendorong umat Katolik di sini, menghasilkan iman berkualiti dan semangat pelayanan yang bersungguh-sungguh.

Bapa Uskup dalam ucapannya mengucapkan syabas kepada umat di Menumbok yang telah mempunyai tiga kemudahan yang penting iaitu bangunan Gereja sebagai tempat menyembah Tuhan; Dewan sebagai tempat untuk melakukan pelbagai aktiviti dan kemudahan dapur bagi acara-acara sosial.


Kepada para pemimpin Ibadat Sabda dan pelbagai upacara, Uskup Cornelius mengingatkan mereka untuk melalui tiga proses dalam pelayanan iaitu mengenal, mencintai

dan melayani.

Pengerusi Komite Katekis Paroki St Peter, Sdra Raymond Misin dalam ucapannya mengajak umat agar berziarah ke Gereja St Ambrose, untuk memberi semangat, dorongan dan kekuatan kepada umat Katolik minoriti di Menumbok.

Pada hari itu juga, umat meraikan Hari Malaysia dengan memalu gong 11 kali oleh Uskup Cornelius.

Bapa Uskup seterusnya mengumumkan tuan rumah bagi Hari Keluarga Pemimpin Ibadat Sabda pada tahun 2025 ialah Gereja St Peter, Bundu. **Stella Eming**



## Mengapa Yesus berkata "janganlah memegang Aku" kepada saksi pertama kebangkitan-Nya?

**Soalan:** Mengapa Yesus berkata kepada Maria, "janganlah engkau memegang Aku", sedangkan Maria ialah saksi pertama kebangkitan-Nya? (Yohanes 20:17)?

**Jawaban:** Pada hari Minggu pagi, hari ketiga setelah Yesus disalibkan, Maria Magdalena pergi ke kubur Yesus.

Dia terkejut melihat batu besar yang menutup pintu masuk kubur Yesus sudah terguling (Yohanes 20:1). Dia memberitahu hal itu kepada Petrus dan Yohanes, mereka pun berlari ke kubur (Yohanes 20:2-4). Maria tetap berada di kubur, menangis kerana dia belum mengerti bahawa Yesus telah bangkit dari kematian.

Kemudian, dia melihat dua malaikat dan menjelaskan kepada malaikat itu bahawa dia menangis kerana tidak tahu ke mana jenazah Yesus dibawa (Yohanes 20:11-13).

Maria melihat Yesus tetapi tidak mengenali-Nya. Ketika Yesus memanggil namanya, Maria segera mengenali Yesus dan ingin menyentuh-Nya (Yohanes 20:16).

Tetapi Yesus berkata kepada Maria, "janganlah engkau memegang Aku." Dia menjelaskan

kepada Maria bahawa Dia belum naik kepada Bapa dan Maria tidak perlu menyentuh-Nya seolah-olah untuk mencegah Dia pergi.

Yesus memerintahkan Maria untuk pergi kepada "saudara-saudara-Nya", iaitu murid-murid-Nya yang lain, dan memberitahu kepada mereka bahawa Dia akan naik kepada Bapa (Yohanes 20:17). Maria melakukan apa yang diperintahkan-Nya (Yohanes 20:18).

Maria sangat bersukacita kerana Yesus telah bangkit dari kematian. Dia telah berduka atas kematian-Nya dan menangis di kubur-Nya. Yesus adalah Peribadi yang telah mengusir tujuh roh jahat dari dirinya dan Maria telah mengikuti Yesus sejak awal pelayanan-Nya (Lukas 8:2).

Selepas kebangkitan-Nya dan ketika Yesus mengatakan kepada Maria, "janganlah engkau memegang Aku," Yesus dengan lembut mengingatkan Maria bahawa Dia memiliki hal-hal yang harus dilakukan, begitu juga dengan Maria.

Yesus memberinya tugas yang penuh sukacita untuk memberitahu kepada para murid bahawa Dia tidak lagi mati.

Dia telah mengalahkan maut dan datang kembali seperti yang telah Dia katakan. Kemungkinan besar, Maria adalah salah satu dari perempuan yang disebutkan dalam Kisah Para Rasul 1:14 yang mengabdikan diri mereka untuk berdoa dan menantikan kedatangan Roh Kudus, yang Yesus katakan akan diutus oleh-Nya dan Bapa (Yohanes 14:26; 15:26).

Meskipun Alkitab tidak banyak bercerita tentang Maria Magdalena, jelas bahawa dia mengasihi Yesus. Dia menerima berkat yang sangat berharga dengan menjadi orang pertama yang tercatat melihat Yesus setelah kebangkitan-Nya. Dia sangat mengasihi Yesus sehingga reaksi pertamanya adalah ingin menyentuh Yesus dan tidak mahu melepaskan-Nya.

Kata-kata Yesus kepada Maria, "janganlah engkau memegang Aku," bukanlah sebuah teguran, melainkan sebuah penghiburan bahawa Dia akan berada di sini untuk sementara waktu. Tanggapan Maria kepada Yesus memberi kita kesempatan untuk mempertimbangkan apakah kita benar-benar mengasihi Yesus dan memenuhi tugas yang telah Dia berikan kepada kita? **Catholic Answer**

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2026 8291  
E-Mel:  
liza@herald.com.my

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Antie pasti adik-adik mempunyai sesuatu yang adik-adik sayangi, bukan?

Misalnya mungkin adik-adik sangat menyayangi koleksi anak patung yang hanya dapat dibeli dari luar negara atau adik-adik mempunyai barangan permainan canggih misalnya dron, kereta kawalan jauh dan sebagainya.

Apa perasaan adik-adik apabila ada seseorang yang mahukan koleksi permainan adik-adik? Bukan pinjam tetapi memintanya.

Sanggupkah adik-adik berpisah dengan barangan kesayangan adik-adik?

Mungkin adik-adik tidak keberatan untuk meminjamkannya buat beberapa jam, tetapi

sangat sukar untuk memberi barangan kesayangan kepada orang lain.

Adik-adik, Injil pada hari Minggu ini menceritakan tentang seorang pemuda kaya, yang menyangka dia telah melakukan yang terbaik kerana sangat taat kepada hukum Taurat.

Tetapi apabila Yesus memintanya untuk menjual semua harta kekayaannya, pemuda itu berasa sangat kecewa dan sedih.

Adik-adik, Yesus bukan tidak suka kita menjadi kaya tetapi biarlah kekayaan itu tidak menghalang kita untuk ke syurga.


Hingga kita bertemu pada minggu akan datang, bye!

Salam Sayang  
Antie Melly


Terdapat 10 kata mengandungi kata "YESUS" pada gambar di bawah. Dapatkah adik-adik mencarinya?



Warnakan gambar Bonda Maria ini mengikut simbol yang diberikan.



Selesaikan petikan ayat dari Alkitab ini dengan menggunakan kod rahsia yang telah disediakan.



"  untuk  pintu yang   
 Aku  kepadamu bahawa  orang  
 akan mencari  masuk, tetapi mereka  
 tidak  ."  
 Lukas 13: 24

 MERAH MUDA  BIRU MUDA  
 HITAM  KUNING  MERAH

 sempit  ramai  jalan  memasuki  
 Berusahalah  dapat  berkata

Mari Mewarna



**Bersukacitalah sastiaen malad Tuhan! (FILIPHI 4:4)**  
**Bersukacitalah senantiasa. halettpa drbeoa**  
**(1 Tesalonika 5: 16-17)**

Dua petikan dari Kitab Suci di atas mengandungi ejaan yang salah. Bolehkah adik-adik membetulkan ejaan tersebut?



# BELIA

## Orang yang menantikan Tuhan akan mendapat kekuatan baharu!



**KUCHING:** Selepas 'berehat' selama lima tahun, Hari Belia Keuskupan Agung Kuching 2024 (KAYD 2024) akhirnya kembali pada September 14-16 lalu di Keuskupan Agung Kuria dan Pusat Pastoral Katedral (ACCPC).

Dianjurkan oleh Komisi Belia Keuskupan Agung Kuching (KAYC) dengan kerjasama Pelayanan Belia Paroki, Kumpulan Belia dan Kumpulan Dewasa Muda— Hari KAYD 2024 menghimpunkan lebih 600 peserta dari seluruh keuskupan agung.

### Hari Pertama

KAYD 2024 bermula dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr William Sabang bersama Fr Ramon Borja dan Fr Ben Hur Borja.

Dalam Misa Kudus ini, Salib KAYD 2024 diarak dan dibawa masuk ke ACCPC oleh

perwakilan belia dari setiap paroki.

Salib KAYD 2024 berfungsi sebagai peringatan kepada kaum muda Katolik akan misi merekaewartakan Injil Sukacita hingga ke seluruh dunia.

Ia juga melambangkan kasih agung Kristus yang sanggup sengsara, wafat dan bangkit semula demi menebus dosa manusia.

Pada sebelah malam, acara diteruskan dengan Adorasi Sakramen Mahakudus yang dipimpin oleh Fr Alvin Ng, SJ.

### Hari Kedua

Pada hari kedua, sesi dijalankan dalam tiga bahasa — English, Bahasa Melayu dan Cina.

Dalam kumpulan bahasa masing-masing, peserta mempelajari tentang *Wholistic Wellness as Catholic Youth*. Sesi ini menggalakkan golongan muda Katolik untuk memupuk kerohanian dan kemanusiaan mereka dalam konteks masa

kini.

Sesi bahasa Inggeris dikendalikan oleh Fr Ben Hur Borja, SDB dari Filipina, Bahasa Malaysia disampaikan oleh Anna Teresa dari Keuskupan Sandakan, manakala Mary Feng mengetuai kumpulan berbahasa Cina.

Pada sebelah malam, para peserta memuliakan Tuhan dengan pujian dan penyembahan, dikuti pesan daripada Fr Alvin dan persembahan sketsa oleh pasukan tari dan drama.

Persembahan sketsa tersebut diilhamkan daripada Yesaya 40:31, menunjukkan pergelutan yang dihadapi oleh golongan muda Kristian hari ini.

Ia memaparkan lima isu yang dihadapi kebanyakan belia iaitu masalah keluarga, buli, kegagalan dalam peperiksaan, keretakan dalam hubungan dan tekanan.

Sketsa itu menyampaikan pesan bahawa walau apa pun cabaran dan kegagalan yang dihadapi oleh belia. Yesaya 40:31 meng-

ingatkan bahawa Tuhan itu perkasa dan mereka yang berharap kepada Tuhan tidak akan letih malah mendapat kekuatan baharu.

### Hari Ketiga

Pada hari terakhir KAYD 2024, para ketua belia mengajak peserta mengimbas sesi-sesi selama dua hari lalu dan memikirkan pelan praktikal untuk melaksanakannya dalam kehidupan seharian mereka.

Sebelum pulang ke paroki masing-masing, para belia diberkati dan diutus dalam perayaan Ekaristi yang diketuai oleh Uskup Agung Simon Poh, bersama para paderi.

Kembalinya KAYD pada tahun ini, selepas sekian lama tertangguh sejak 2019, lebih daripada sekadar acara; ia adalah kebangkitan semangat dan penyegaran iman yang sangat diperlukan oleh kaum muda Katolik di Keuskupan Agung Kuching!

## Bagaimana SYD-6 memantapkan iman mereka?

**KENINGAU:** SYD-6 telah berakhir pada September 20, 2024 lalu. Hampir sebulan berlalu, kehangatan SYD-6 terhadap lebih tiga ribu pesertanya, masih belum hilang. Berikut merupakan kesaksian para peserta SYD-6:



Saya telah mengikuti acara ini sejak SYD-3. Pengisian SYD tidak pernah berulang. Sesi SYD-6 yang menyentuh hati saya ialah *What's Up Youth* dan program bersama Keluarga Nazareth.

SYD-6 telah mendorong saya untuk lebih mendalami iman saya, meneroka realiti yang sedang berlaku dalam kalangan belia dalam terang Ajaran Sosial Gereja Katolik.

SYD-6 juga telah menguatkan semangat dan keberanian saya untuk melayani sebagai *Youth Coordinator* di Keuskupan Pulau Pinang. Jason Alexander Degullacion, Keuskupan P.Pinang

SYD-6 sangat membantu saya dalam menjawab persoalan-persoalan iman saya, mengajar saya banyak perkara, dari segi kesabaran, tidak cepat panik dalam menghadapi pelbagai situasi kerana kita mempunyai Tuhan yang perkasa dan mereka yang selalu berandal kepada Tuhan pasti akan dilindungi-Nya! Saya berharap, para belia Katolik semakin peka dengan alam sekitar kita. Semoga SYD-7 nanti di Lahad Datu pada tahun 2028, kita benar-benar bebas plastik bagi mengurangi sampah! Hannyzintah Jimi, Kota Kinabalu



Setelah beberapa kali menyertai SYD, saya menyaksikan ramai belia Katolik bertumbuh dalam iman, tabah berjuang di antara kehidupan duniawi dan kehidupan Gereja.

Saya melihat, para belia Katolik yang pernah mengikuti SYD mempunyai hidup rohani yang konsisten.

Untuk SYD-7, saya berharap sesi tentang keluarga dan Kecerdasan Buatan (AI), dapat diperhebatkan.

Ini adalah kerana, ramai belia yang terkesan dengan apa yang berlaku dalam keluarga. Sr Liza Jamat FSIC



# Bapa Suci buka perhimpunan sesi kedua Sinode para Uskup ke-16

VATIKAN: Dalam homilinya semasa Misa Pembukaan Sesi Kedua Perhimpunan Agung Sinode para Uskup ke-16, Sri Paus Fransiskus menekankan perlunya hati yang terbuka untuk berdialog dan kepentingan keharmonian yang datang dari Roh Kudus.

Sempena pesta Malaikat Pelindung pada hari tersebut, Sri Paus mengulangi perintah Tuhan agar umat “mendengar suara Malaikat yang telah Dia utus.”

## Meneliti jalan mana yang harus diikuti

Semasa Gereja meneruskan sesi untuk sesi kedua sinode, “Tuhan

meletakkan di tangan kita tentang sejarah, impian, dan harapan orang yang hebat,” Gereja tersebar ke seluruh dunia.

Sri Paus menjemput peserta untuk “berusaha memahami jalan yang harus diikuti demi mencapai destinasi yang Tuhan kehendaki untuk kita.”

Untuk menghapuskan halangan terhadap keharmonian, Sri Paus menegaskan, kita harus terbuka kepada sumbangan semua, demi menden-  
dengar suara Tuhan.

## Pelukan yang mesra, tempat perlindungan

Dengan konsep perlindungan, Sri

Paus Fransiskus berkata sayap malaikat Tuhan yang melindungi menjadi “simbol apa yang Tuhan lakukan untuk kita, dan juga model untuk kita ikuti.”

Karunia setiap orang adalah kekayaan yang besar kepada seluruh Gereja; tetapi pada masa yang sama, kita mesti bersedia untuk menjangkau satu sama lain, terbuka untuk “merangkul dengan mesra dan menjadi tempat selamat” kepada satu sama lain.

“Semakin kita menyedari bahawa kita dikelilingi oleh rakan-rakan yang menyayangi, menghormati, dan menghargai kita serta rakan yang ingin mendengar apa yang kita

katakan, semakin kita akan berasa bebas, spontan dan terbuka untuk mengungkapkan diri.”

## Berhati sederhana

Untuk memasuki syurga, kita harus “menjadi kecil kanak-kanak,” tegas Sri Paus.

Perkara ini ditegaskan oleh Yesus kepada para murid-Nya sebagai ajakan untuk bertobat dan merendahkan hati.

Lebih-lebih lagi sinode menangani isu-isu yang besar dan penting, “maka kita tidak boleh melupakan seruan untuk berhati seperti kanak-kanak. Marilah kita berhati-hati untuk tidak melihat sumbangan kita

sebagai poin yang harus dipertahankan atau memaksa umat menuruti agenda kita,” kata Sri Paus.

Pada akhir homilinya, Fransiskus mengajak peserta untuk meneruskan perjalanan Gerejawi dengan memerhatikan isu-isu di dunia, kerana komuniti Kristian sentiasa melayani untuk manusia dan memberitakan sukacita Injil kepada semua.”

Beberapa subjek yang lebih kontroversi, yang dibahas pada perhimpunan sinode fasa pertama iaitu diakon perempuan dan formasi bagi calon paderi, telah didelegasikan kepada 15 kumpulan studi yang dibentuk akhir tahun lalu. **Media Vatikan**

## Gereja harus mohon pengampunan atas dosanya

TAKHTA SUCI: Gereja Katolik tidak dapat dipercayakan dengan misiewartakan Kristus keculi Gereja mengakui kesalahannya dan berusaha “menyembuhkan luka yang kita timbulkan kerana dosa-dosa kita,” kata Sri Paus Fransiskus.

Dalam liturgi pertobatan tidak lazim pada Oktober 1, Bapa Suci Fransiskus meminta tujuh orang kardinal membacakan permohonan pengampunan yang ditulis sendiri oleh Bapa Suci “kerana kita perlu menyebutkan dosa-dosa utama

kita.”

Dosa-dosa tersebut termasuk salah laku seksual, kurangnya keberanian dan komitmen terhadap perdamaian, kurangnya rasa hormat terhadap setiap kehidupan manusia, penganiayaan terhadap wanita atau kegagalan untuk mengakui bakat dan sumbangan mereka, menggunakan ajaran Gereja sebagai senjata untuk menyerang orang lain, kurangnya kepedulian terhadap orang miskin dan kegagalan untuk mengakui martabat dan peranan setiap orang yang

dibaptis dalam Gereja.

Liturgi pertobatan bersama Sri Paus Fransiskus di Basilika Santo Petrus mengakhiri retret dua hari bagi 368 anggota Sinode para Uskup tentang sinodal sebagai persiapan Perhimpunan Agung Sinode para Uskup Sedunia ke-16 pada Oktober 2 hingga 27.

Sri Paus Fransiskus menegaskan, Gereja “selalu bersifat relasional dan hanya dengan menyembuhkan hubungan yang sakit kita dapat menjadi Gereja sinode.”

Liturgi tersebut merangkumi testimoni dari tiga saksi kejahatan dan dosa: Laurence Gien, yang ketika masih berusia 11 tahun di Afrika Selatan diperkosa oleh seorang paderi; Sara Vatteroni, yang bekerja di Konferensi para Uskup Itali dalam membantu para migran yang diselamatkan dari Laut Mediterania bersama Solange, seorang migran dari Ivory Coast dan Sr Deema Fayyad, anggota Komuniti Biara Al-Khalil di Syria, berbicara tentang kesan pererangan. **Media Vatikan**



## Perang di Lubnan: 300,000 kanak-kanak kehilangan tempat tinggal

BEIRUT: Peningkatan dramatik pertempuran antara Hizbullah dan Israel baru-baru ini telah membawa kemudaratan yang pantas bagi kanak-kanak.

Lebih merisaukan, agensi kemanusiaan tidak dapat segera bertindak balas kerana sekatan, kata UNICEF ketika ia melancarkan rayuan untuk 105 juta dolar untuk menghulurkan bantuan, bagi tiga bulan akan datang.

Lebih 100 kanak-kanak Lubnan terbunuh dalam kejadian tembakan-menembak sejak Oktober 2023.

Dana Kanak-kanak PBB menganggarkan lebih 300,000 kanak-

kanak telah dipindahkan dari rumah mereka.

“Peningkatan keganasan adalah malapetaka bagi semua kanak-kanak di Lubnan”, kata Wakil UNICEF di negara itu, Edouard Beigbeder.

Bekerjasama dengan kerajaan Lubnan, UNICEF dan rakan kongsinya telah membantu lebih 50,000 individu di lebih 200 tempat perlindungan kolektif di seluruh Lubnan Selatan, Beirut, Gunung Lubnan, Lubnan Utara, Bekaa dan gabenor Baalbek-Hermel.

UNICEF telah membekalkan

keluarga yang berlindung di pusat perlindungan dengan air minuman, tilam, beg tidur, selimut, alat-alat kebersihan diri dan kit bayi serta penyediaan perkhidmatan sokongan kesihatan, perlindungan kanak-kanak, pemakanan dan psikososial.

Namun, skala dan kadar keperluan di Lubnan cepat meningkat.

“UNICEF memerlukan sokongan segera “untuk melindungi kanak-kanak dan memastikan petugas kemanusiaan dapat menjangkau mereka yang memerlukan dengan selamat — mengikut kewajipan di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa.”

Selain kemusnahan dan kos nyawa di negara yang sudah bergelut dengan kemerosotan sosio-ekonomi, terdapat juga kebimbangan mendalam terhadap akibat jangka panjang daripada peningkatan konflik antara Israel dan Hizbullah. Ini dinyatakan Uskup César Essayan, Vikaris Apostolik Gereja Katolik Latin di Lubnan.

“Kami takut, peperangan ini bukan sahaja menjejaskan masa depan kami tetapi turut mencipta orang yang menyimpan kebencian yang mendalam, dan tempat ini menjadi tanah untuk peperangan berlanjutan,” kata Uskup Essayan. **Media Vatikan**



## Ziarah rosari satukan ribuan umat Katolik yang mencintai Bonda Maria

KOTA WASHINGTON: Ribuan penziarah dari seluruh Amerika Syarikat berkumpul di Tempat Doa Nasional Basilika Santa Maria Dikandung Tanpa Noda pada September 28, untuk menghormati Santa Maria, Bonda Tuhan dan anugerah rosarinya.

“Aku sepenuhnya milikmu, Bonda Maria, aku sepenuhnya milikmu,” demikian lagu berbahasa Latin yang dinyanyikan umat Katolik saat Ziarah Rosario Dominikan tahunan kedua yang dimulakan dengan perarakan patung Santa Maria.

Lebih dari 3,000 orang mendaftar untuk ziarah sepanjang hari yang dianjurkan oleh para biarawan Dominikan dan kumpulan Persaudaraan Rosari Mahakudus, sebuah kumpulan spiritual yang berdedikasi berdoa rosari.

Acara yang diadakan di basilika termasuklah Misa Kudus, adorasi, pengakuan dosa, pendarasan doa rosari, permainan dan perkongsian

dan konsert malam muzikal yang diketuai oleh para pemuzik biarawan Dominikan.

“Dua tujuan kami dalam Ziarah Rosari Dominikan ialah agar umat dapat dibawa untuk lebih dekat kepada Yesus Kristus dan tidak ada seorang pun yang lebih baik dalam melakukan hal selain Bonda kita, Perawan Maria yang Terberkati,” kata Fr John Paul Kern OP, direktur Yayasan Biarawan Dominikan dan ketua Doa Rosari.

Didirikan oleh Sto Dominikus de Guzmán tahun 1216, Ordo Dominikan juga dikenali sebagai Ordo Pengkhotba dan pendevisi taat doa rosari.

Menurut tradisi, Bonda Maria pernah menampakkan diri kepada Sto Dominikus dan mempercayakan kepada Sto Dominikus untuk mempromosi doa rosari. Ziarah rosario, yang merupakan puncak dari novena sembilan bulan menjelang acara tersebut, menarik banyak orang dari dekat dan jauh. **CNA**

UCAPAN SRI PAUS FRANSISKUS

# Mencari kebenaran perlu risiko

BRUSSELS: “Iman” yang mudah, senang, tanpa kesusahan dan selesa ialah perkara yang berbahaya, kata Sri Paus Fransiskus kepada para profesor, penyelidik dan kakitangan universiti Katolik tertua di dunia.

Begitu juga dengan ilmu, “Mencari kebenaran memang meletihkan kita kerana kita perlu keluar dari diri kita sendiri, mengambil risiko, bertanya kepada diri sendiri,” ujar Bapa Suci yang berada di KU Leuven yang berbahasa Belanda, sebuah universiti penyelidikan Katolik di Belgium.

Ditubuhkan pada 1425 dengan dekri Sri Paus Martin V, KU Leuven ialah salah satu universiti tertua di Eropah.

Alumninya termasuk Fr Georges Lemaitre, yang mencadangkan teori “*Big Bang*” alam semesta, dan Fr Desiderius Erasmus dari Rotterdam, yang memberi pengaruh besar dalam falsafah dan budaya semasa era Renaissance.

Tumpuan lawatan Sri Paus ke Belgium pada September 26 hingga 29 adalah untuk meraikan ulang tahun ke-600 universiti itu.

Dalam ucapannya, Luc Sels, rektor dan

naib canselor KU Leuven, menekankan kepentingan menjadi sebuah institut yang hari ini bebas daripada Gereja Katolik tetapi tetap menerapkan nilai-nilai Kristian.

Sifat mandiri ini merupakan “nilai terbesar kami kepada gereja,” katanya, kerana “universiti ini dapat menjadi rakan kongsi kritikal, tempat perbincangan terbuka” yang memberi inspirasi, “tetapi juga mencabar masyarakat Katolik dan masyarakat umum dengan pandangan dunia Kristiannya”.

Universiti itu sengaja memberi “ruang untuk perbezaan pendapat,” katanya, sambil menyatakan bahawa Sri Paus juga “membuka ruang ini untuk dialog dan perancangan dalam gereja,” dalam semangat sinodal.

Rektor menekankan kepentingan mengalu-alukan dan menampung pelajar dan sarjana yang hidup dalam bahaya di tanah air mereka disebabkan konflik serta peperangan.

Ia adalah sebahagian daripada “keterbukaan kreatif” universiti terhadap mereka yang kelihatan berbeza kerana agama, bu-



Sri Paus Fransiskus berbicara di Universiti Leuven pada September 27, dalam siri kunjungan apostolik ke Belgium. Gambar: Media Vatikan.

daya, pemikiran politik atau tempat asal mereka, “tetapi pada masa yang sama, kita berkongsi kemanusiaan sesama kita,” katanya.

Selepas ceramahnya, Bapa Suci mengadakan pertemuan dengan sekumpulan pelarian yang berkumpul di sebuah bilik di belakang dewan.

Kemudian dengan menaiki kereta golf elektrik kecil, Bapa Suci melintasi ribuan orang yang berbaris di jalan raya di luar universiti menuju ke Dataran Pasar Besar Leuven. Media Vatikan

PENULIS BERKICAU

## Sinodaliti utamakan kesatuan Gereja

Begitu pantas masa berlalu. Tanpa disedari, setahun telah berlalu dan sesi kedua Perhimpunan Umum Sinode para Uskup sedunia kali ke-16 telah bermula pada Oktober 2 lalu dan berakhir pada Oktober 27.

Dalam kesibukannya mengunjungi beberapa negara di Asia dan Oceania pada September 2-13, dan tidak lama kemudian, melawat Luxembourg dan Belgium pada September 26-29, Sri Paus Fransiskus menerangkan erti Gereja Sinodal, dengan cara tersendiri.

Dari Brussels, di Basilika Sacred Heart of Koekelberg, Bapa Suci bertemu dengan uskup, paderi, para rohaniwan dan pekerja pastoral serta menjelaskan Sinode ialah masa untuk berdoa, bukan sebuah konvensi.

Katanya, sinode adalah masa doa, ia merupakan perhimpunan gerejawi yang berdoa, masa untuk mendengar Firman Tuhan dan Roh, dan peluang untuk memohon pengampunan Tuhan terhadap dosa-dosa Gereja.

Sesi kedua Sinode Umum para Uskup Sedunia telah bermula pada Oktober 2 lalu dan akan berakhir pada Oktober 27.

Fasa kedua ini dimulakan dengan retret selama dua hari pada September 30 dan Oktober 1 yang diketuai oleh paderi Dominican, Fr Timothy Radcliffe dan seorang religius Benediktine, Mother Ignazia Angelini.

Menariknya, retret itu diakhiri dengan vigili pertobatan pada petang Oktober 1 di Basilika Sto Petrus. Upacara ini disiarkan oleh Media Vatikan untuk ditonton oleh semua orang khususnya kaum muda, “kerana pesan Gereja diamanahkan kepada mereka.”

Menurut Kardinal Hollerich, kaum muda masa kini tertekan kerana dosa-dosa generasi terdahulu dan dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh Gereja.

Gereja dengan beraninya menampilkan tiga orang individu, yang pernah mengalami dosa penderaan, peperangan dan tidak dipedulikan. Sri Paus Fransiskus juga menggalakkan pengakuan untuk dosa-dosa khusus, mengiktiraf diri kita sebagai sebahagian daripada mereka yang, bertanggungjawab atas penderitaan dan kemudahan yang dialami oleh mereka yang tidak bersalah.

Khususnya, dosa terhadap keamanan, penciptaan, orang asli, pendatang, wanita, keluarga, belia; dosa menggunakan doktrin sebagai batu terhadap orang lain, dosa terhadap kemiskinan dan sinodali (seperti kegagalan untuk mendengar, atau dosa menjejaskan persekutuan atau penyertaan semua) akan diakui. Paus akan menyimpulkan dengan memohon pengampunan daripada Tuhan dan semua umat manusia bagi pihak semua umat beriman.

Satu lagi elemen baharu yang diperkenalkan untuk sesi kedua sinode umum para Uskup ke-16 ialah empat forum pastoral-teologi yang terbuka untuk semua dan untuk para wartawan bertauliah.

Dua forum telah berlangsung pada Oktober 9, tentang “Umat Tuhan, Subjek Misi” satu lagi mengenai “Peranan dan Kewibawaan Bishop dalam Gereja Sinodal”, bakal diadakan pada Oktober 16.

Sinodaliti ialah ungkapan penuh persekutuan yang hidup. Kita hanya boleh memberi kesaksian kepada saudara dan saudari kita apabila kita sedar bahawa kita semua dikasihi oleh Tuhan dan apabila kita menghidupi Injil dengan gembira, menyedari hakikat bahawa — apa pun peranan kita dalam Gereja — kita dipanggil oleh Yang Maha Kuasa, dan Dialah yang memimpin Jemaat-Nya.

Walau apa pun kritikan terhadap fasa dua Sinode ini, saya percaya ia mengutamakan kesejahteraan dan perkembangan iman umat Katolik, dan sinodaliti adalah cara terbaik untuk hidup dalam kesatuan Gereja.

## Deskripsi lambang pada gambar Bonda Maria Gunung Kinabalu

Tema “Maria bangkit dan bergegas pergi” semasa Sabah Youth Day keenam (SYD-6) yang lalu telah memberi inspirasi kepada Uskup Cornelius Piong, untuk memberi gelaran kepada bonda Yesus sebagai Bonda Maria Gunung Kinabalu.

Kardinal Sebastian Francis yang turut berada di Keningau bagi memimpin Misa Kudus penutup SYD-6 mengatakan Bonda Maria Gunung Kinabalu bukan sahaja milik orang Sabah, tetapi seluruh Malaysia dan Asia.

Berikut merupakan penjelasan lambang pada gambar Bonda Maria Gunung Kinabalu:

### Bonda Maria berbusana pakaian tradisional

Ia mencerminkan budaya asli masyarakat di Sabah serta melambangkan semangat inkulturatif yang ingin ditekankan oleh Uskup Cornelius Piong agar umat Katolik melihat dan menghormati Bonda Maria sesuai dengan budaya masyarakat tempatan.

### Gunung Kinabalu

Latar belakang gunung Kinabalu pada gambar Bonda Maria Gunung Kinabalu merupakan salah satu mercu tanda paling popular di Sabah. Ia mewakili kekuatan dan

makna rohani bukan sahaja di Sabah tetapi di Asia.

### Bunga Rafflesia

Bunga besar di kaki Maria kelihatan seperti bunga rafflesia, bunga unik yang berasal dari Borneo. Bunga itu melambangkan flora tempatan, mewakili kehidupan, kecantikan dan keunikan.

### Penutup Kepala dan Bakul (Sigah dan Wakid)

Bonda Maria memakai sigah iaitu penutup kepala tradisional Kadazan-Dusun, dan membawa wakid, bakul anyaman yang biasa digunakan oleh masyarakat tempatan. Kedua-duanya melambangkan peranan keibuan Maria, yang menjaga keperluan umatnya dengan cara yang praktikal dan penuh kasih sayang.

### Lingkar Suci dan Salib

Lingkar suci di atas kepala Maria menandakan kesuciannya, sementara salib di latar belakang menekankan hubungannya dengan Kristus.

### Figura empat orang

Empat orang yang berdiri di kaki Maria yang berpakaian tradisi orang tempatan. Mereka, secara global mewakili empat penjuru dunia, lambang Gereja Katolik Universal.

Figura empat orang tersebut juga mewakili doa dan syafaat umat daripada Maria, mengakui beliau sebagai ibu Gereja, Ibu rohani yang membimbing umat untuk datang kepada Yesus.

### Kata “Bonda Maria Gunung Kinabalu, Doakanlah Kami”

Kata ini merujuk kepada doa permohonan, “Our Lady of Mount Kinabalu, Pray for Us.”

Gelaran dan doa ini memohon syafaat Bonda Maria untuk umat, seperti yang disarankan oleh Uskup Cornelius agar umat sentiasa mengungkapkan doa ini setiap kali mendoakan doa Salam Maria.



## Misa pelancaran gelaran penghormatan Bonda Maria Gunung Kinabalu di KSFX

**Liza Magnus**

KENINGAU: Dalam Perjanjian Lama dan Baru, gunung sering kali menjadi tempat pertemuan dengan Tuhan. Contohnya, Gunung Sinai (Keluaran 19:16-19) di mana Musa menerima Sepuluh Perintah Tuhan.

Demikian juga, Maria sering kali dilihat sebagai insan yang memimpin kita kepada pengalaman pertemuan dengan Tuhan, terutamanya di Bukit Kalvari di mana Yesus disalibkan (Yohanes 19:25-27).

Pada September 30, Uskup Cornelius Piong memimpin Misa Kudus pembukaan doa rosari dan pelancaran pemberian gelaran penghormatan Ibu Tuhan sebagai Bonda Maria Gunung Kinabalu.

Misa Kudus dimulakan dengan tarian sumazau yang mendahului perarakan membawa gambar besar Bonda Maria Gunung Kinabalu berukuran 30 inci, dibungkus dengan kain biru.

Gambar itu kemudiannya diletakkan di atas altar, tirainya dibuka dan diberkati oleh Uskup Cornelius Piong. Dalam upacara



itu, Bapa Uskup dibantu oleh Fr Joseph Gapitang dan Fr Appolonius Yakis.

Semasa menyampaikan homilinya, Uskup Cornelius menyatakan bahawa inspirasi gelaran penghormatan Bonda Maria Gunung Kinabalu tercetus semasa *Sabah Youth Day-6* yang berlangsung

baru-baru ini di Keningau di mana Uskup Cornelius memberi cadangan memberi gelaran kepada Bonda Yesus sebagai Bonda Maria Gunung Kinabalu atau *Our Lady of Mount Kinabalu*.

"Mungkin pada mulanya gelaran ini agak janggal tetapi diharapkan, gelaran ini akan menjadi biasa

setiap kali kita berdoa rosari," kata Uskup Cornelius.

"Gelaran "Bonda Maria Gunung Kinabalu" mengajarkan kita untuk melihat alam dengan mata rohani. Seperti Maria yang ditinggikan oleh Tuhan, dan diserahkan kepada kita sebagai Bonda kita: "Inilah Ibumu," begitulah juga Gunung Kinabalu berdiri sebagai lambang keagungan ciptaan Tuhan.

Saya percaya, bagi yang berdevosi kepada Bonda Maria, pasti mempunyai pengalaman bagaimana Ibu Tuhan telah membantu kita.

Dalam peristiwa perkahwinan yang kehabisan wain di Kana, telah menyerlahkan sifat prihatin Bonda Maria yang sangat tebal.

**Kehabisan wain melambangkan kehilangan sukacita.** Oleh sebab itu, berdoa kepada Bonda Maria agar sukacita dalam keluarga dan komuniti akan selalu terpelihara. Wain itu melambangkan sukacita.

Uskup Cornelius juga mengatakan, "Semenjak Keuskupan Keningau ditubuhkan 31 tahun yang lalu, Bonda Maria sentiasa berjalan bersama umat di keusku-

pan ini".

Dalam Kisah Para Rasul 1:14, ia menekankan semangat komuniti Bonda Maria yang berkumpul dan menanti Roh Kudus bersama komuniti Kristian perdana.

Oleh sebab cadangan gelaran penghormatan Bonda Maria Gunung Kinabalu ini disuarakan semasa SYD-6 yang lalu, Uskup Cornelius berharap kaum muda Katolik di Sabah, terus berdevosi dan meneladani iman Bonda Maria, bangkit dan bergegas mewartakan Injil, menjadi garam dan terang Kristus di mana sahaja mereka berada.

Idea potret Bonda Maria Gunung Kinabalu ini diilhamkan oleh Pengerusi Komisi Komunikasi Sosial Keuskupan Keningau, Sdra Didiroy Joneh dan dilukis secara digital oleh Eva Glenn Robert dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Selepas Misa Kudus, umat menonton katekesis yang disediakan oleh Fr David Gasikol yang menjelaskan pemberian penghormatan kepada Ibu Kristus sebagai Bonda Maria Gunung Kinabalu dalam bentuk video.

## Umat hasilkan lebih seribu sabun herba untuk penghuni penjara

AIR ITAM, Pulau Pinang: Tindakan kecil, jika dilakukan dengan belas kasihan, boleh membawa kegembiraan kepada orang lain.

Pelayanan Caritas di Gereja Risen Christ baru-baru ini telah menjayakan projek pembuatan sabun herba untuk diagih-agihkan kepada para penghuni penjara.

Seramai 45 peserta daripada 10 KED dan kerasulan, berjaya menghasilkan 1,150 keping sabun.

Projek membuat sabun itu dinamakan sesi *Spirituality of Soap Moulding and the Walk with God*, memberi banyak manfaat kepada para peserta.

Salah seorang peserta mengatakan sesi ini menyedarkannya ba-

hawa Tuhan sentiasa hadir lebih-lebih lagi pada ketika kita amat memerlukan-Nya.

Proses membuat sabun, yang melibatkan beberapa tahap teliti, akhirnya dapat menjadi pemberian indah untuk para banduan. Para peserta juga memahami, disebabkan peraturan ketat, tidak semua mereka dapat melawat penghuni penjara.

Namun melalui sabun yang mereka reka, semoga ia dapat kegembiraan yang besar kepada para tahanan.

Projek ini telah memberi inspirasi kepada kumpulan Senior di paroki itu untuk memulakan projek serupa tidak lama lagi.



KAMPAR: Bersempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia yang ke-110, Gereja Hati Kudus, Kampar, telah menganjurkan aktiviti selama dua hari bersama para migran pada September 28 dan 29 yang lalu.

Pada sebelah malam hari pertama, ia dimulakan dengan sesi pujian dan penyembahan, diikuti dengan formasi dan Adorasi kepada Sakramen Mahakudus yang dipimpin oleh para Sister Putri Karmel dari Balik Pulau.

Pada hari kedua, acara dimulakan dengan doa sebelum merayakan Misa Kudus.

Dalam homilinya, Fr Simon Anand memetik pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-110 tentang persamaan pengalaman pendarang dengan kisah eksodus dalam Kitab Keluaran. antara eksodus dalam

Alkitab dan pengalaman pendarang masa kini. Semasa Misa, tayangan video persembahan khas "*The Blessing*," dinyanyikan oleh komuniti pendarang, telah menyentuh hati para umat.

Komuniti migran dari Nigeria, Korea Selatan, Filipina, Myanmar, Vietnam, Timor-Leste dan Indonesia, juga menyampaikan persembahan dalam sembilan bahasa, melambangkan kesatuan dan kepelbagaian Gereja.

Pada hari itu juga diadakan pemeriksaan kesihatan percuma yang disediakan oleh Hospital UTAR dan Klinik Kesihatan Kampar.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik untuk kanak-kanak dan wanita serta sukan yang memupuk semangat kesatuan.

Salah seorang migran yang hadir,

Primus dari Indonesia menyatakan harapannya untuk dunia yang lebih aman dan berkata, "Saya berharap dunia ini dapat menjadi tempat yang lebih selamat tanpa perang, kerana peperangan menyebabkan ramai orang menderita dan terpaksa menjadi pelarian".

Begitu juga, Daisy dari Timor-Leste berkongsi harapannya agar pertemuan seperti itu dapat diadakan dengan lebih kerap.

"Saya gembira dapat menghabiskan hujung minggu seperti ini, berjalan bersama Tuhan dan umat-Nya dalam semangat Gereja Sinodal."

Perayaan Hari Minggu Migran dan Pelarian di Gereja Hati Kudus Kampar telah menyampaikan pesan penting Yesus "Ketika Aku orang asing, kamu menyambut Aku." (Mat 25:35). **Rachel Anbumalar Sebastiyen**

